



6 Oktober 2021  
6 October 2021  
P.U. (A) 381

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

**PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN  
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT  
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM  
KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)  
(PELAN PEMULIHAN NEGARA) (PINDAAN) (NO. 2) 2021**

*PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES  
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS)  
(NATIONAL RECOVERY PLAN) (AMENDMENT) (NO. 2)  
REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988**

**PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT  
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)  
(PELAN PEMULIHAN NEGARA) (PINDAAN) (NO. 2) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Pindaan) (No. 2) 2021.**

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 [P.U. (A) 293/2021], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(a) dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung takrif “kawasan tempatan jangkitan” dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “kawasan tempatan jangkitan” takrif yang berikut:

‘ “peranti pengesanan” ertinya apa-apa peranti yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa termasuklah suatu gelang tangan.’.

### **Peraturan baharu 11A**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 11 peraturan yang berikut:

#### **“Kehendak untuk memakai peranti pengesanan**

11A. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), atau mana-mana kontak, untuk memakai apa-apa peranti pengesanan yang diberikan kepadanya.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh seseorang pegawai diberi kuasa.

(3) Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, menghilangkan atau mengubah peranti pengesanan itu melakukan suatu kesalahan.”.

### **Pindaan peraturan 12**

4. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “gelang tangan” dengan perkataan “peranti pengesanan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, menghilangkan atau mengubah peranti pengesanan itu melakukan suatu kesalahan.”.